

02/04/2002

Cetak rompak: Usah salahkan artis saja

Hardi Effendi Yaacob

KALANGAN artis berharap kerajaan tidak lagi mempertikaikan komitmen mereka dalam usaha membanteras lanun cetak rompak kerana sejak dulu mereka sudah berusaha mencari jalan penyelesaiannya.

Penyanyi Hattan, yang terkenal dengan sikap vokalnya mengenai isu berkaitan, kesal kerana artis sentiasa dipersalahkan dalam hal ini dan dilihat tidak serius dalam usaha mencegah lanun cetak rompak.

"Sejak 1984 saya bersama Blues Gang dan rakan artis lain, sudah angkat sepanduk dan berlawan dengan lanun. Ketika itu kami bersendirian dan tiada siapa pun yang membantu.

"Saya sudah bosan kerana kita hanya banyak bercakap tetapi tiada tindakan langsung. Sebelum ini pun, banyak mesyuarat diadakan, begitu juga penggubalan dan pemindaan akta. Tapi, cetak rompak tetap berleluasa. Malah, ia semakin meruncing sedangkan jalan penyelesaiannya kita tidak nampak. Balik-balik artis yang dipersalahkan. Kenapa? Apa yang tidak kena dengan artis kita?," katanya.

Beliau berkata demikian mengulas kenyataan Menteri Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna, Tan Sri Muhyiddin Yassin yang mahukan setiap lapisan penggiat muzik di negara ini, termasuk artis dan syarikat rakaman lebih proaktif serta berada di barisan hadapan bagi membantu kerajaan membanteras cetak rompak yang semakin berleluasa kini.

"Sekarang, kita (kerajaan) berada di depan... mereka di belakang. Dan, mereka pernah kata mahu adakan kempen dan road show (jelajah) di seluruh negara, tapi apa sudah jadi? Apa yang sudah mereka buat dengan usaha itu? Sepatutnya, ia perlu dibuat secara bersepadu," katanya.

Beliau berkata, penyanyi boleh mendapatkan khidmat ejen perisik dan pengintipnya sendiri, begitu juga pihak berkuasa jika berlaku sebarang kejadian yang tidak diinginkan seperti ancaman, selain ugutan ketika melaksanakan usaha membanteras cetak rompak.

Johan Nawawi yang juga salah seorang komposer popular tempatan, berkata sudah tiba masanya kerajaan memandang serius cetak rompak karya muzik kerana ia kini semakin berleluasa dan boleh menghancurkan industri muzik tanah air pada bila-bila masa.

"Dengan lenyapnya industri (muzik) kita, lenyap lagilah khazanah seni dan warisan budaya bangsa. Tapi, apa yang paling penting sekali kerajaan pun akan terjejas pendapatan mereka, khususnya dari segi cukai jualan (dari pengedaran dan pemasaran album), selain cukai hiburan kerana tidak ada artis yang akan buat konsert dan show.

"Seperkara lagi, imej negara juga akan buruk pada mata dunia apabila dilabelkan sebagai syurga cetak rompak suatu hari nanti. Ini boleh mengundang kebimbangan dan keraguan syarikat asing untuk melabur di negara ini. Jadi, kerajaan perlu melakukan sesuatu berhubung perkara ini. Jika bukan kerajaan, siapa lagi?" katanya.

Bagi Khaty atau nama sebenarnya, Khatijah Ibrahim, Muhyiddin tidak sepatutnya mengeluarkan kenyataan seperti tempoh hari, sebaliknya beliau perlu memberikan pandangan positif dan kritikan membina bagi memastikan setiap usaha memerangi cetak rompak yang dilaksanakan mencapai kejayaan membanggakan.

"Secara peribadi, saya tidak begitu bersetuju dengan kenyataan beliau tempoh hari. Beliau seolah-olah mempertikaikan segala komitmen dan perjuangan penggiat muzik, termasuk artis rakaman seperti saya dalam pelaksanaan usaha berkenaan. Persoalannya, benarkah kami sering berada di

belakang? Selama ini pun tidak banyakkah sumbangan kami kepada kerajaan dalam memerangi cetak rompak?

"Siapalah yang selalu di depan ketika kempen dilaksanakan? Artislah juga dan bukan orang lain. Siapa di depan atau siapa di belakang tidak menjadi persoalan. Yang penting, semua pihak perlu bersatu dan bekerjasama menghapuskan cetak rompak. Sebagai artis, memang saya mahu terbabit dalam usaha sebegini sebab ia berkait rapat dengan periuk nasi saya, selain masa depan kerjaya seni saya.

"Apa yang paling penting, ia mempunyai kaitan dengan hak dan kepentingan saya sebagai penggiat muzik. Tapi, apa boleh saya buat lagi. Saya dan rakan seperjuangan lain tidak ada kuasa. Kita tidak ada kuasa untuk buat penguatkuasaan. Kita tidak boleh suka-suka serbu tempat yang membuat, mengedar dan menjual karya muzik cetak rompak. Itu sebabnya kita perlukan kerajaan. Tapi, kalau kerajaan sendiri pun tidak boleh tolong dan selalu bidas kita bagaimana?" katanya.

Penyanyi Nora berpendapat, tidak sepatutnya artis dipersalahkan jika sebarang usaha memerangi cetak rompak yang dilaksanakan kerajaan selama ini menemui kegagalan.

"Alasan yang sering kali diberikan, kita tidak komited. Setahu saya, komitmen di kalangan rakan artis memang cukup tinggi. Malah, mereka sentiasa turun padang bagi menjayakan sebarang kempen penghapusan cetak rompak, begitu juga dalangnya di kalangan orang ramai. Jadi, apa yang tidak cukup lagi?

"Kita pun tidak pernah bersikap dingin terhadap usaha sebegini. Kita sedar kepentingannya terhadap perlindungan hak dan kepentingan industri muzik tanah air, begitu juga penggiatnya termasuk artis rakaman sendiri.

"Malah, kita pun menyambut baik campur tangan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bagi sama-sama mencari jalan penyelesaian terhadap masalah ini. Bagi saya, sepatutnya dari dulu lagi beliau perlu campur tangan," kata Nora.

(END)